

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (a) Setiap anggota telah menjelaskan modal syer minimum RM1,000.00 dan modal yuran RM500.00 maka keluarga anggota (isteri/suami/anak yang berumur di bawah 23 tahun) layak menerima bantuan khairat kematian yang disediakan oleh Koperasi LKPP Pahang Berhad.
- (b) Kadar bantuan yang diberikan sekiranya berlaku kematian ialah:
- | | | |
|-------|-------------------------------|-------------|
| (i) | Kematian anggota | :RM5,000.00 |
| (ii) | Kematian isteri/suami | :RM3,000.00 |
| (iii) | Kematian anak | :RM1,000.00 |
| (iv) | Kematian Ibu bapa/mentua | :RM1,000.00 |
| (v) | Kematian anak baru dilahirkan | :RM 500.00 |
- (c) Bayaran akan dijelaskan dengan cek kepada waris terdekat seperti berikut:
- (i) Jika bujang - kepada ibu atau bapa ;
 - (ii) Jika berkahwin - kepada isteri atau suami ;
 - (iii) Jika duda - kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas atau jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota yang berkaitan;
 - (iv) Jika balu - kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.
 - (v) Jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut di atas, maka bantuan khairat kematian tersebut akan diberikan kepada sesiapa yang difikirkan layak menerimanya yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.
- (d) Untuk membuat tuntutan pembayaran khairat kematian, keluarga anggota hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:
- (i) Satu (1) salinan:
 - * Kad Pengenalan simati;
 - * Sijil kematian / Permit perkuburan yang disahkan majikan.
 - (ii) Alamat terkini waris berkenaan untuk urusan penghantaran cek.
- (f) Tuntutan pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 2 bulan dari tarikh kematian.